

Newspaper	Berita Harian
Date	18 November 2015

## PM tinjau persiapan

8/11/2015

**Kuala Lumpur:** Dalam kesibukan menghadiri pelbagai program dalam dan luar negara, Perdana Menteri sempat meluangkan masa dua jam meninjau persiapan Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa (IDFR) di sini, malam kelmarin.

### Saksi latihan

Datuk Seri Najib Razak juga melihat sendiri latihan persembahan yang dijalankan peserta daripada sekolah terpilih yang dikelolakan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Yang turut serta, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman.

Dalam catatan di akaun Facebooknya, Perdana Menteri turut mengucapkan terima kasih kepada anak muda yang berlatih untuk persembahan Sidang Kemuncak ASEAN.

"Insyallah, semuanya akan bejalan dengan lancar," katanya.



**Najib melawat peserta yang membuat persiapan untuk persembahan Sidang Kemuncak ASEAN di IDFR, di Kuala Lumpur.**

[FOTO FACEBOOK DATUK SERI ANIFAH AMAN]